

Mahathir disahkan Presiden UMNO, Pak Lah timbalannya

UM 14 MAY 2000

KUALA LUMPUR 11 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, 'Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini disahkan sebagai Presiden dan Timbalan Presiden UMNO bagi Penggal 2000-2003.

Pengesahan jawatan tertinggi UMNO itu diumumkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan parti, Tan Sri Kamarul Ariffin di hadapan 2,010 anggota perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di sini.

Pengesahan mengenai pelantikan dua jawatan utama itu dibuat sebelum proses pemilihan jawatan tertinggi parti bermula yang menyaksikan pertandingan bagi tiga jawatan Naib Presiden, 25 jawatan anggota Majlis Tertinggi dan satu jawatan Timbalan Pengerusi parti.

Semasa proses pencalonan dijalankan oleh 165 bahagian, Dr. Mahathir memperoleh 162 pencalonan manakala Abdullah pula 161 pencalonan.

Keputusan itu secara tidak rasmi memastikan Dr. Mahathir dan Abdullah memenangi jawatan itu tanpa pertandingan.

Dr. Mahathir telah menjadi Presiden UMNO yang kelima sejak 1981.

Perdana Menteri sebenarnya memperoleh 164 pencalonan, tetapi berikutan keputusan Majlis Tertinggi (MT) menolak pencalonan bahagian Gua Musang dan mengganung bahagian Bandar Tun Razak, bilangannya kurang dua pencalonan.

Cuma bahagian Tanah Merah tidak mencalonkan beliau sebagai Presiden sebaliknya mencalonkan ketua perhubungan UMNO Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr. Mahathir, 74, dipilih sebagai Naib Presiden parti pada 21 Jun 1975, dan ketua bahagian Kubang Pasu sejak 1978 hingga sekarang.

Pada tahun 1978, beliau menang tanpa bertanding jawatan Timbalan Presiden dan menang tanpa bertanding jawatan Presiden pada tahun 1981.

Dalam jawatan kabinet, beliau dilantik sebagai Menteri Pendidikan pada tahun 1974 dan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1977.

Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri keempat pada 16 Julai 1981.

Dr. Mahathir berjaya mengekalkan jawatan Presiden selepas menewaskan Tengku Razaleigh Hamzah dengan majoriti 43 undi pada pemilihan parti, 24 April 1987.

Pada 16 Februari 1988, Dr. Mahathir menjadi Presiden penaja UMNO Baru, apabila UMNO lama diisytiharkan haram oleh mahkamah pada 14 Februari tahun yang sama.

Beliau disahkan sebagai Presiden UMNO Baru pada perhimpunan agung khas 13 April 1988.

Mengekalkan

Dr. Mahathir mengekalkan jawatan sebagai Presiden UMNO dalam pemilihan parti pada 1990, 1993, 1996 dan pada pemilihan tahun ini.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula hari ini mencatat sejarah bagi dirinya apabila beliau diumumkan secara rasmi sebagai Timbalan Presiden UMNO yang baru bagi penggal 2000/2003.

Abdullah, 60, yang sebelum ini memegang jawatan Naib Presiden yang dimenangi pada pemilihan 1996, menggantikan bekas Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada parti pada 3 September 1998.

Berikutan pemecatan Anwar, Abdullah atau lebih mesra dipanggil 'Pak Lah' diberi tugas oleh MT untuk menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden UMNO.

Berikutan perubahan dalam kepimpinan UMNO itu, Abdullah dinaikkan pangkat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad daripada Menteri Luar kepada Timbalan Perdana Menteri, jawatan kedua tertinggi dalam kerajaan.

Beliau juga diberi tugas Menteri Dalam Negeri yang sebelum itu dipegang oleh Perdana Menteri.

Abdullah berkecimpung dalam arena politik tanah air

sejak 1965 dengan menyertai UMNO, yang genap 54 tahun hari ini.

Beliau memegang jawatan Naib Presiden sebanyak lima kali.

Beliau dilantik anggota MT pada Februari 1979 ketika beliau memegang jawatan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Kemudian dilantik Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang pada September 1980 dan pada Jun tahun berikutnya beliau menjadi pemimpin UMNO Pulau Pinang yang pertama memenangi pertandingan bagi jawatan MT dalam tempoh 20 tahun.

Abdullah mengetuai UMNO bahagian Kepala Batas sejak 1984 sehingga sekarang dan pada tahun yang sama beliau buat pertama kali memenangi jawatan Naib Presiden apabila memperoleh 625 undi dalam pertandingan yang diadakan tahun itu.

Berikutan pergolakan dalam UMNO pada 1987, Abdullah yang dianggap membuat kesalahan dalam percaturan politik telah tersingkir daripada jawatan-jawatan parti peringkat pusat dan negeri.

Bagaimanapun, atas sikap beliau yang dianggap sederhana itu, Abdullah dilantik seorang anggota pro-tern UMNO Baru pada 1988 yang mengurus persiapan ke arah menubuhkan semula UMNO yang telah diharamkan pada tahun yang sama.

Bintang Abdullah dalam parti cerah kembali apabila beliau diberi kepercayaan oleh pucuk kepimpinan parti untuk mengetuai semula UMNO bahagian Kepala Batas pada April 1988 dan lima bulan selepas itu beliau dilantik jawatan Naib Presiden parti.